
	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 1/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada semua pegawai di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ingin melaksanakan projek jaringan komuniti.


2. TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

HiStaf	: Sistem Hub Informasi Staf UPM
ICMS	: Sistem Pengurusan Industri dan Komuniti (Industry and Community Management System)
JINM	: Jaringan Industri dan Masyarakat
JK JINM	: Jawatankuasa Jaringan Industri dan masyarakat
JPU	: Jawatankuasa Pengurusan Universiti
KTGS	: <i>Knowledge Transfer Grant Scheme</i>
KTP	: <i>Knowledge Transfer Program</i>
NGO	: Badan Bukan Kerajaan
SDGs	: <i>Sustainable Development Goals</i>
PTJ	: Pusat Tanggungjawab
PSKA	: Pengetahuan, Sikap, Kemahiran, Aspirasi
URUSETIA	: Urusetia
TNC (JINM)	: Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)
UCTC	: Pusat Transformasi Komuniti Universiti
UPM	: Universiti Putra Malaysia
PODC	: <i>Planning, Organizing, Directing and Controlling</i>
UPM HOLDING	: UPM Holding Sdn. Bhd.
WAZAN	: Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak


	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 2/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025

3. PANDUAN


Bil	Tindakan	Tanggungjawab
1.	<p>Projek komuniti yang hendak dilaksanakan mestilah:</p> <p>1.1 Mempunyai kertas kerja untuk melaksanakan projek komuniti (sekiranya ada).</p> <p>1.2 Mengenal pasti projek komuniti yang hendak dilaksanakan adalah yang dirancang oleh PTJ atau permohonan daripada komuniti.</p> <p>1.3 Projek komuniti yang mempunyai sumber dana kewangan khas seperti geran KTP, KTGS JINM, KTGS@PTJ, dan geran lain adalah di bawah status projek yang dirancang.</p> <p>1.4 Jika permohonan adalah daripada komuniti, PTJ hendaklah menilai keperluan bagi menentukan sama ada permohonan daripada komuniti wajar dilaksanakan atau tidak. Ketua Projek perlu mengisi Senarai Semak Jaringan Komuniti yang boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Pusat Transformasi Komuniti Universiti di pautan www.uctc.upm.edu.my</p> <p>1.5 Mengenal pasti komuniti yang disasarkan iaitu kumpulan orang atau masyarakat yang tinggal di sesuatu tempat, atau kumpulan individu yang mempunyai sifat-sifat kecenderungan, kepentingan dan lain-lain yang serupa.</p> <p>1.6 Memastikan projek komuniti yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada penyelesaian masalah komuniti atau berasaskan keperluan komuniti (<i>community-driven</i>).</p> <p>1.7 Projek komuniti yang dilaksanakan adalah daripada warga universiti dan sumber kepakaran universiti mengikut bidang tujahan dan kebitaraan PTJ.</p> <p>1.8 Melibatkan pemegang taruh yang berkaitan iaitu komuniti yang disasarkan, agensi kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk terlibat sama.</p> <p>1.9 Memastikan projek komuniti tersebut dapat memberi manfaat kepada komuniti melalui aktiviti pemindahan ilmu atau pemindahan teknologi yang akan menunjukkan perubahan terhadap PSKA.</p>	Ketua Projek

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 4/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025


Bil	Tindakan		Tanggungjawab
	3.10 <i>Reduce Inequality</i> 3.11 <i>Sustainable Cities and Communities</i> 3.12 <i>Responsible Consumption and Production</i> 3.13 <i>Climate Action</i> 3.14 <i>Life Below Water</i> 3.15 <i>Life on Land</i> 3.16 <i>Peace and Justice Strong Institutions</i> 3.17 <i>Partnership</i>		
4.	Mengenal pasti program komuniti yang dijalankan berdasarkan 14 program berikut:		Ketua Projek
	BIL	PROGRAM	KETERANGAN
	4.1	Bandar Hijau Serdang	Projek khas universiti di sekitar Serdang
	4.2	Jaringan Antarabangsa	Projek yang dijalankan di luar negara/projek luar negara yang dijalankan di Malaysia
	4.3	Kesejahteraan Komuniti	Projek peningkatan taraf hidup, sosial, dan sosioekonomi komuniti
	4.4	Pembangunan Modal Insan	Projek yang melibatkan pembangunan kemahiran, pengetahuan dan sahsiah diri
	4.5	Penghayatan Alam dan Budaya	Projek yang melibatkan alam sekitar, budaya dan etnik masyarakat
	4.6	Program Inkubasi	Projek inkubasi keusahawanan secara intensif
	4.7	Program Inovasi dan Reka cipta	Projek yang menghasilkan inovasi, teknologi atau idea baharu
	4.8	Program Kanser	Projek yang melibatkan ahli keluarga atau pesakit kanser/program kesedaran kanser/program sokongan dan lain-lain
	4.9	Program Pembangunan Halal	Projek pendidikan berkaitan halal, kesedaran halal atau pensijilan halal
	4.10	Program Pembangunan Orang Asli	Projek yang melibatkan orang asli
	4.11	Program Pembangunan Usahawan	Projek yang melibatkan usahawan berskala mikro, kecil dan sederhana

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 5/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025


Bil	Tindakan		Tanggungjawab
4.12	Khidmat Pengembangan dan Komuniti	a) Klinik Pakar UPM b) Jelajah Bas Pengembangan PUTRA c) Khidmat nasihat teknikal d) Lawatan pengembangan e) Pertunjukan kaedah f) Projek yang berstruktur (ada elemen PODC)	
4.13	Program Warga Emas	Projek yang melibatkan warga emas	
4.14	Sekolah Angkat	Projek yang dijalankan berkaitan institusi pendidikan	
5.	Mengenal pasti kluster program komuniti yang dijalankan perlu menumpu kepada 7 (tujuh) kluster seperti berikut: 5.1 Komuniti Setempat 5.2 Komuniti Pertanian 5.3 Belia 5.4 Warga Emas 5.5 Pesakit Kanser 5.6 Orang Asli 5.7 Pendidikan Kanak-kanak/Pelajar		Ketua Projek
6.	Mengenal pasti projek komuniti yang dijalankan perlu menumpu kepada 42 jenis intervensi permasalahan sosial utama negara bagi memastikan impak dan keberkesanan projek komuniti seperti berikut:		Ketua Projek
	MASALAH MIKRO (Masalah Tingkah Laku)	MASALAH MAKRO (Isu Sosial)	
6.1	Penceraian	6.22 Isu Ekonomi: Pengangguran	
6.2	Penyalahgunaan Bahan: Dadah	6.23 Pendatang Haram	
6.3	Jenayah Seksual: Pemerkosaan	6.24 Rasuah	
6.4	Jenayah Seksual: Rogol	6.25 Isu Kesihatan: HIV	
6.5	Delikuensi	6.26 Isu Ekonomi: Pengemis	
6.6	Jenayah Harta: Pecah Rumah	6.27 Isu Kesihatan: AIDS	

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 6/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025


Bil	Tindakan				Tanggungjawab
	6.7	Jenayah Harta: Kecurian	6.28	Isu Keselamatan: Keselamatan Jalan Raya	
	6.8	Jenayah Berat: Merompak Tanpa Senjata Api	6.29	Isu Ekonomik: Kemiskinan Tegar	
	6.9	Jenayah Berat: Kecederaan	6.30	Salah Guna Kuasa	
	6.10	Jenayah Harta: Ragut	6.31	Jenayah Komersil: Pecah Amanah	
	6.11	Penganiayaan Manusia: Jenayah Domestik	6.32	Isu Alam Sekitar: Degradasi Flora dan Fauna	
	6.12	Penganiayaan Manusia: Buang Anak	6.33	Isu Kesihatan: Denggi	
	6.13	Salah Laku Seksual: Seks Haram	6.34	Polarisasi Kaum	
	6.14	Jenayah Seksual: Sumbang Mahram	6.35	Pemerdagangan Manusia	
	6.15	Delikuensi: Rempit	6.36	Isu Kesihatan: Kesihatan Mental	
	6.16	Jenayah disebabkan Kebencian	6.37	Isu Kesihatan: Obesiti	
	6.17	Jenayah Berat: Merompak Bersenjata Api	6.38	Isu Alam Sekitar: Pencemaran	
	6.18	Penyalahgunaan Bahan: Rokok	6.39	Jenayah Komersil: Jenayah Cyber	
	6.19	Penyalahgunaan Bahan: Alkohol	6.40	Jenayah Komersil: Pengedaran Dadah	
	6.20	Salah Laku Seksual: Pelacuran/LGBT	6.41	Jenayah Komersil: Pemalsuan	
	6.21	Bunuh Diri	6.42	Jenayah Komersil: Pinjaman Tanpa Lesen	
			6.43	Lain-lain (selain daripada di atas perlu dinyatakan)	
7.	7.1	Mengenal pasti sumber kewangan sama ada daripada:			Ketua Projek
	a)	Sumber dalam Universiti Putra Malaysia (UPM)/WAZAN			
	b)	Sumbangan Industri/Komuniti/Agensi/NGO/UPM Holding			

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 7/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025


Bil	Tindakan	Tanggungjawab
	<p>c) Geran</p> <p>i. Geran <i>Knowledge Transfer Program</i> (KTP)</p> <p>Geran KTP adalah peruntukan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk memindahkan ilmu pengetahuan daripada universiti awam kepada pihak komuniti dan industri. Sasaran projek mesti memberikan hasil kepada syarikat atau industri, hasil kepada masyarakat atau komuniti, pulangan kepada IPTA dan Pembangunan Modal Insan kepada <i>Graduate Intern</i> (Kebolehpasaran Graduate Intern). Projek berpotensi untuk mencapai 3 hingga 5 bintang.</p> <p>ii. Geran <i>Knowledge Transfer Grant Scheme</i> (KTGS) JINM</p> <p>Geran KTGS adalah peruntukan khas daripada Geran Universiti Penyelidikan yang diselaraskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UPM bagi merealisasikan Matlamat ke – 3 UPM. Geran ini juga bagi memenuhi keperluan Sistem Penarafan Universiti Awam dan Swasta (SETARA), Malaysia Research Assessment (MyRA) dan data Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang diperlukan setiap tahun. Projek berpotensi untuk mencapai 3 hingga 5 bintang.</p> <p>iii. Geran <i>Knowledge Transfer Grant Scheme</i> PTJ (KTGS@PTJ)</p> <p>Geran KTGS@PTJ adalah peruntukan daripada Tabung Amanah JINM PTJ bagi membantu meningkatkan penawaran geran yang dapat menyokong Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM. Projek berpotensi untuk mencapai 3 hingga 5 bintang.</p> <p>iv. Geran Projek Lain</p> <p>Peruntukan kewangan yang diperolehi daripada agensi/industri/komuniti/NGO dalam bentuk geran/sumbangan dengan jumlah minima sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM 5,000.00) secara TUNAI. Peruntukan yang diberikan bertujuan untuk program pemindahan ilmu kepada komuniti. Projek berpotensi untuk mencapai 3 hingga 5 bintang.</p>	

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 8/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025


Bil	Tindakan	Tanggungjawab
7.2	<p>Mengenal pasti jenis kewangan samaada dalam bentuk *tunai atau nilai setara (<i>in kind</i>) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Elaun Ahli akademik b) Elaun Pelajar c) Lain-lain bentuk pemberian d) Makan dan minum e) Pengangkutan f) Penginapan g) Peralatan dan fasiliti h) Sewaan i) Tiket j) Yuran <p>*Tunai yang diambil kira ialah duit yang masuk ke akaun rasmi UPM *In-kind ialah sumbangan dalam bentuk tunai/alat/bekalan/perkhidmatan yang diterima daripada pihak luar</p>	
7.3	<p>Mengenal pasti nilai impak UPM kepada komuniti dalam pelaksanaan projek seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bilangan Penerima Manfaat b) Fasilitator/Pelajar c) Kepakaran d) Logistik/Pengangkutan e) Peluang Pekerjaan Baharu f) Penganugerahan g) Penginapan h) Pengurangan Kos i) Peningkatan Pendapatan j) Sewaan/Kemudahan/Peralatan k) Yuran <p><i>*Nilai Impak projek perlu disahkan oleh komuniti.</i></p>	

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 9/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025


Bil	Tindakan	Tanggungjawab
8.	<p>Mengenal pasti skop pelaksanaan projek komuniti yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:</p> <p>8.1 Skop projek komuniti – ada menunjukkan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kursus/Bengkel/Seminar/Latihan/Wacana/Pendidikan b) Demonstrasi/Pertunjukan Kaedah/Pengukuhan Kemahiran c) Translasi hasil penyelidikan/pemindahan teknologi d) Khidmat nasihat projek di lapangan e) Lain-lain bentuk kaedah pemindahan ilmu oleh pakar UPM kepada kumpulan sasaran f) Projek Geran KTGS/KTP/Geran Lain g) Projek yang berstruktur (ada elemen PODC) <p>8.2 BUKAN skop projek komuniti:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Program bersama Universiti dalam dan Luar Negara b) Mobiliti Pelajar c) Projek akademik pelajar d) Seminar/Persidangan/Konferens/latihan/kursus/ceramah (pembentang, pengerusi, peserta) e) Juri/Hakim/Penilai/Juruaudit/Pemeriksa dll) f) Sumbangan/Tajaan/Hadiah oleh Komuniti (tanpa projek) g) Pembangunan Modul h) Aktiviti Penyelidikan i) Aktiviti Pelajar – Putra Bakti j) Tugas di luar tugas rasmi (Lantikan tidak dibuat oleh UPM) – rukun tetangga, PIBG, Jawatankuasa Kejiranan k) Khidmat Profesional l) Program bersifat CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat) tanpa ada elemen pemindahan ilmu – pemberian bantuan/sumbangan, aktiviti riadah (<i>run</i>), penanaman pokok, gotong-royong. 	Ketua Projek

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 11/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
11.2	Projek yang dilaksanakan adalah berstruktur dan terancang.	
11.3	Projek yang melibatkan aktiviti pemindahan ilmu atau perkongsian ilmu daripada universiti kepada komuniti yang melibatkan adanya kesan hasil daripada pelaksanaan aktiviti seperti peningkatan pengetahuan, perubahan sikap, peningkatan kemahiran dan perubahan aspirasi (PSKA).	
11.4	Tempoh projek adalah kurang dari 3 bulan.	
	Projek komuniti berimpak tinggi (4-5 bintang)	
11.5	Tempoh projek adalah sekurang-kurangnya 3 bulan untuk melihat perubahan oleh komuniti tumpuan dengan syarat komuniti telah mempunyai asas dalam bidang tersebut dan pengetahuan secara umumnya.	
11.6	Projek yang dilaksanakan perlu melibatkan siri pemantauan dan pengukuran keberkesanan selepas pemindahan ilmu diberikan dengan melihat perubahan sebelum dan selepas pemindahan ilmu.	
11.7	Projek tersebut berupaya menunjukkan perubahan komuniti dengan jelas melalui PSKA, pendayaupayaan dan amalan inovasi yang berterusan diperingkat komuniti.	
11.8	Projek yang membawa kepada impak kualiti kehidupan dan amalan komuniti melalui pelaksanaan projek yang terancang.	
11.9	Mempunyai dokumen sokongan dan bukti pelaksanaan projek seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Surat kerjasama menjalankan projek bersama komuniti. b) Laporan projek secara berkala. c) Laporan kewangan (tunai/<i>in-kind</i>) yang disahkan oleh komuniti atau Ketua PTJ. d) Bukti pelaksanaan projek seperti gambar sebelum dan selepas pemindahan ilmu atau video pelaksanaan projek. e) Laporan akhir projek. f) Nilai impak UPM kepada komuniti yang disahkan oleh komuniti. g) Lain-lain dokumen yang berkaitan. 	


	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 12/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
12.	Semakan, Pengesahan dan Verifikasi laporan projek komuniti. 12.1 Proses semakan laporan projek komuniti dilaksanakan di sistem ICMS. Sekiranya ada pembetulan, laporan akan dipulangkan semula kepada Ketua Projek. 12.2 Proses pengesahan laporan projek komuniti juga dilaksanakan di sistem ICMS. Sekiranya ada pembetulan, laporan akan dipulangkan semula kepada Ketua Projek. Projek yang telah disemak dan disahkan (tanpa pindaan/pembetulan) akan diverifikasi di peringkat peneraju (UCTC). 12.3 Proses verifikasi data projek komuniti dilaksanakan di sistem ICMS. Sekiranya ada pembetulan, projek akan dipulangkan semula kepada Ketua Projek. Projek yang telah diverifikasi (tanpa pindaan/pembetulan) akan diterima dalam data pencapaian tahunan KPI Universiti. 12.4 Membuat pelaporan dan memantau pencapaian KPI dan PFA PTJ melalui sistem ICMS secara berkala. Pencapaian PTJ dibentang/dibincang di peringkat PTJ pada setiap sukuan. 12.5 Melaporkan kepada pihak berkepentingan (jika diperlukan).	Urus setia/Ketua Projek/Ketua PTJ
13.	Pemantauan Pelaporan 13.1 Peringkat PTJ Membuat pelaporan dan memantau pencapaian KPI dan PFA PTJ melalui sistem ICMS. Pencapaian PTJ dibentang/dibincang di peringkat PTJ pada setiap sukuan. 13.2 Peringkat Peneraju (UCTC)/JINM Membuat pemantauan pencapaian KPI dan PFA PTJ melalui sistem ICMS. Pencapaian dibentang/dibincang di peringkat JINM dalam mesyuarat berkaitan mengikut keperluan (tidak terhad kepada Mesyuarat JKJINM).	Urusetia PTJ Urusetia UCTC/JINM

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 13/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025

LAMPIRAN A PENARAFAN BINTANG JARINGAN KOMUNITI

BINTANG	PERINGKAT	INDIKATOR	RUBRIK	BUKTI
1	Jalanan kerjasama	Pengukuhan hubungan UPM-komuniti, komuniti bertanggung positif terhadap UPM dan bersedia untuk dilibat sama.	Menerima surat/e-mel jemputan/surat kerjasama/surat balas (Aktiviti masih belum dilaksanakan tetapi telah ada perbincangan)	Surat/email
2	Sokongan dan penglibatan	Komuniti telah menerima ilmu yang dikongsi secara <i>One-off</i> dan atau jaringan strategik komuniti diperkukuhkan.	Laporan aktiviti projek/laporan geran yang dilengkapi dengan maklumat aktiviti atau bukti yang jelas menunjukkan aktiviti pemindahan ilmu telah berlaku. (contoh projek: Jemputan sebagai penceramah, pameran, khidmat nasihat, jemputan sebagai panel forum/persidangan, pembentang kertas kerja, pembentang poster, jemputan sebagai pembina modul, demonstrasi, kempen, lawatan yang tiada maklumbalas daripada komuniti/peserta hanya boleh capai tahap bintang 2)	Laporan aktiviti projek/laporan geran/gambar / sijil dan lain-lain yang memberikan bukti yang jelas.
3	Pelaksanaan PSKA (pengetahuan, sikap, kemahiran dan amalan)	Komuniti mendapat manfaat secara terus dari ilmu yang dikongsi secara <i>one-off</i> atau berterusan dan adanya libat sama pelbagai pihak agensi/industri dalam projek.	Laporan aktiviti projek/laporan geran yang dilengkapi dengan maklumat aktiviti pemindahan ilmu, bukti bergambar, laporan kewangan, nilai impak dan analisis maklumbalas pencapaian sebelum dan selepas aktiviti daripada peserta/komuniti.	Laporan aktiviti projek/laporan geran dengan analisis maklumbalas daripada peserta/komuniti.

	SOKONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	Halaman: 14/14
	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT) Kod Dokumen: SOK/JINM/GP02/JARINGAN KOMUNITI	No. Semakan: 08
	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JARINGAN KOMUNITI	No. Isu: 02
		Tarikh: 12/09/2025

BINTANG	PERINGKAT	INDIKATOR	RUBRIK	BUKTI
			(contoh projek: Kursus, latihan dan aktiviti yang menunjukkan adanya perkongsian ilmu kepada komuniti)	
4	Perubahan PSKA atau amalan	Komuniti mengamalkan ilmu yang diterima dan berupaya mengaplikasikan ilmu dalam bidang usahanya serta adanya perubahan PSKA. Projek yang dilaksanakan adalah secara berterusan.	Laporan pemantauan projek secara berkala selepas pemindahan ilmu yang dilengkapi dengan maklumat aktiviti, bukti bergambar, laporan kewangan, nilai impak yang menunjukkan adanya perubahan dalam PSKA seperti contoh peningkatan pendapatan/ekonomi/kesihatan/sara hidup komuniti yang terlibat, penjimatan kos dalam bidang usaha komuniti, amalan pengetahuan dan kemahiran atau komuniti ada menerima pengiktirafan.	Laporan pemantauan/laporan akhir projek (jika projek telah tamat)
5	Pendayaupayaan	Komuniti berupaya berdikari dengan ilmu yang dipindahkan tanpa penglibatan UPM, komuniti berupaya berkongsi ilmu kepada komuniti lain atau model projek tersebut boleh diduplikasikan kepada komuniti yang lain.	Laporan pendayaupayaan projek yang dilengkapi dengan bukti pencapaian pendayaupayaan yang menunjukkan komuniti berupaya memindahkan ilmu/kemahiran kepada komuniti lain (<i>train the trainer</i>), atau komuniti berjaya menduplikasikan projek ke komuniti/lokasi lain.	Laporan pendayaupayaan projek/Laporan akhir projek (jika projek telah tamat)